

**BERITA ONLINE**  
**BERITA HARIAN**  
**TARIKH : 26 FEBRUARI 2022 (SABTU)**



## **MAFI tarik RM455 juta potensi pelaburan di Ekspo 2020 Dubai**

Februari 26, 2022 @ 5:24pm



Datuk Haslina Abdul Hamid.

DUBAI: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menarik potensi pelaburan dengan nilai RM455 juta menerusi penganjuran Minggu Pertanian Lestari di Ekspo 2020 Dubai yang berlangsung 21 Februari lalu hingga hari ini.

Ketua Setiausaha, Datuk Haslina Abdul Hamid berkata, potensi nilai pelaburan itu melebihi sasaran awal kementerian iaitu RM350 juta, seterusnya menyifatkan penganjuran minggu berkenaan sangat berjaya.

Beliau berkata, potensi itu dicapai menerusi pemeteraian 12 memorandum persefahaman (MoU) antara syarikat Malaysia yang mengambil bahagian dengan syarikat tempatan meliputi kerjasama teknikal, pelaburan, penyediaan fasiliti perniagaan, selain penyelidikan dan pembangunan.

"Selain itu, kita mengadakan 70 padanan perniagaan berbanding sasaran 50 dan semua usaha ini sudah lama MAFI mulakan, termasuklah dengan melancarkan laman mikro pertanian lestari yang memaparkan latar belakang lebih 40 syarikat berkaitan pertanian.

"Ada juga beberapa negara menyatakan minat untuk mengadakan fasiliti perniagaan berkaitan industri pertanian seperti Namibia, Mexico, Surinam, Slovakia, Jepun, India, Jerman dan Maldives," katanya kepada media Malaysia di sini, hari ini.

Menurut Haslina, selain berjaya mewujudkan kerjasama perniagaan, Minggu Pertanian Lestari itu juga platform terbaik untuk syarikat Malaysia meluaskan pasaran halal, bukan sahaja di Dubai atau Emiriah Arab Bersatu (UAE), malah ke pasaran Timur Tengah.

Beliau berkata, aktiviti diadakan sepanjang minggu termasuk demonstrasi masakan tempatan, ukiran serta edaran buah-buahan tempatan seperti durian, nangka, pamelo dan jambu batu berjaya menarik kira-kira 40,000 pelawat ke Pavilion Malaysia.

Haslina turut berterima kasih kepada semua pihak yang menjayakan Minggu Pertanian Lestari termasuk Malaysian Bioeconomy Development Corporation sebagai agensi pelaksana serta Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi selaku peneraju penyertaan Malaysia di Ekspo 2020 Dubai. – BERNAMA